

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR,
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang disediakan
oleh

FARAWAHIDA BINTI ABD GHAFAR


2006606985

bertajuk

CADANGAN MENAIK TARAF DAN MEREKABENTUK DALAMAN PAWAGAM COLISEUM

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:  09.

Cik Wan Hafizayati binti Wan Hassan

Koordinator Kursus

: _____

Pn. Mawar binti Masri

Koordinator Program

: _____

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa bin Abd Rashid

ABSTRAK

Untuk projek akhir IND 381 (Kursus Rekabentuk Dalaman), saya telah memilih cadangan projek Menaik taraf dan Merekabentuk Pawagam Coliseum. Projek ini dipilih berdasarkan kajian yang telah dibuat samada dalam pencarian masalah yang sediada, pengumpulan data, pemerhatian dan lain-lain. Setiap projek mempunyai matlamat yang perlu dicapai. Selain itu, perkara lain yang perlu dititikberatkan dalam sesuatu projek ialah mengetahui objektif, skop, halangan dan kepentingan projek khususnya. Hal ini merupakan perkara yang terpenting perlu di ketahui sebelum memulakan dan merancang sesuatu projek. Pemilihan cadangan menaik taraf dan Merekabentuk Pawagam Coliseum ini berdasarkan kajian yang telah dibuat menunjukkan wujudnya masalah-masalah tertentu dan ianya masih tidak aktif berikutan wujudnya 'cineplex' bagai cendawan tumbuh. Namun kewujudan pawagam lama ini semakin lama semakin dilupakan walhal ianya bertapak pada bangunan lama yang pada dahukala lebih gemilang. Daripada cadangan dan penggiatan pihak tertentu untuk menaiktarfkannya ia adalah jalan yang terbaik untuk mengembalikan detik dan peristiwa sejarah dahulu. Ia juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang memerlukan dan memberi kemudahan kepada sesiapa sahaja untuk menikmati filem-filem kegemaran dalam suasana yang lebih selesa dengan kelengkapan yang bakal disediakan. Ahli-ahli atau pekerja di sini dapat bekerja di bawah satu bumbung menjalankan aktiviti perniagaan mereka dengan lebih mudah. Kajian yang dijalankan adalah untuk memperolehi maklumat terperinci mengenai projek yang akan dijalankan, maklumat ini adalah bertujuan untuk membantu dalam proses menaik taraf dan merekabentuk ruang dalaman serta dapat mengikuti dan menepati ciri-ciri yang diperlukan oleh pihak klien. Melalui kajian yang dijalankan didapati bahawa masalah-masalah yang timbul pada pawagam adalah kurangnya sambutan daripada orang ramai disebabkan masalah kewangan dan tayangan hanya berbentuk 'old school' dan 'box office' sahaja. Di samping itu, lebih kepada ruang kosong yang hanya dipenuhi oleh golongan muda untuk melepak sehinggakan keunikannya tidak terserlah. Daripada situasi ini cadangan menaik taraf dan merekabentuk semula pawagam Coliseum ini dibuat untuk keselesaan pengunjug dan menjaga kualiti bangunan unik ini untuk kepentingan organisasi tertentu.

| | |
|--|------------|
| ABSTRAK | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ISI KANDUNGAN | iv |
| SENARAI GAMBARAJAH | xi |
| SENARAI GAMBAR | xii |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1-2 |
| 1.2 Permasalahan Projek | 3-4 |
| 1.3 Objektif Umum | 5-8 |
| 1.3.1 Kepentingan kepada negara | |
| 1.3.2 Kepentingan kepada masyarakat | |
| 1.3.3 Kepentingan kepada Badan Warisan Malaysia | |
| 1.4 Objektif Projek | 9 |
| 1.5 Skop Projek | 10-11 |
| 1.6 Kaedah Kajian | 12-14 |
| 1.7 Kepentingan projek | 15 |

| | | |
|--------------|---|-------|
| BAB 2 | KAJIAN DAN LATARBELAKANG KLIEN | |
| 2.1 | Latarbelakang Klien | 16-17 |
| 2.2 | Sejarah Penubuhan Badan Warisan Malaysia | 18-23 |
| 2.2.1 | Objektif, misi dan visi Badan Warisan Malaysia | |
| 2.2.2 | Matlamat klien | |
| 2.2.3 | Dasar dan tujuan klien | |
| 2.2.4 | Kod etika klien | |
| 2.3 | Carta Organisasi Klien | 24 |
| 2.4 | Fungsi Bahagian | 25-26 |
| 2.4.1 | Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi | |
| 2.4.2 | Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan | |
| 2.4.3 | Bahagian Perkembangan dan Pembelajaran | |
| 2.5 | Perancangan | 27-30 |
| 2.5.1 | Pengenalan | |
| 2.5.2 | Perkembangan Senibandar Awal di Kuala Lumpur | |
| 2.6 | Isu dan Masalah | 31-32 |
| 2.7 | Cadangan Ruang Dalaman Berdasarkan Kehendak Klien | 33 |

1.1 PENDAHULUAN

Kuala Lumpur merupakan negeri di Malaysia yang kaya dengan bangunan-bangunan bersejarah. Salah satu daerah yang menarik di sini adalah di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman. Ia merupakan di antara kawasan yang terkenal dalam sejarah Kuala Lumpur. Di mana ia merupakan kawasan membeli belah yang dikunjungi oleh wargakota, pelancong tempatan, dan pelancong asing. Ia mempunyai nilai-nilai sejarah di mana Jalan Tuanku Abdul Rahman yang di kenali sebagai Jalan Batu sebelum negara mencapai kemerdekaan merupakan salah satu jalan raya terawal di Kuala Lumpur.

Daripada landskap yang dipenuhi paya, sawah bendang, ladang getah dan ladang kelapa, kesemuanya ditukar kepada bangunan kedai dan pusat perniagaan bandar bermula seawal tahun 1920-an. Selepas lebih tujuh dekad beroperasi, Jalan Tuanku Abdul Rahman terus menjadi nadi kepada tua ini. Bangunan Lama seperti 'Coliseum', 'Shoe Central', A&W, 'P.Lal Store' dan banyak lagi masih berdiri dan beroperasi. Biarpun tidak serancak suatu ketika dahulu, setiap satunya mampu menarik kelompok tertentu.

Pawagam Coliseum merupakan bangunan terawal dibina di Kuala Lumpur yang merupakan mercu tanda bagi Jalan Tuanku Abdul Rahman yang terbina strategik di tengah-tengah pusat bandar dan unik. Oleh itu, orang ramai mudah singgah untuk mengisi masa yang ada dengan filem yang diputarkan. Bangunan ini dengan kafe dan hotelnya, berada di bawah jagaan Badan Warisan Malaysia. Walaupun tiada masalah besar, usaha pemuliharaan sama ada dari segi struktur atau kebersihan sentiasa dilakukan.